

“Kewangan Islam : Kewajipan atau Pilihan?”



Oleh Siti Hajar Binti Md Zin
Pensyarah Fakulti Pengajian Teknokorporat
Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur

Sistem kewangan Islam adalah salah satu sistem yang berteraskan sumber atau rujukan utama iaitu Al-Quran, Sunnah, Ijma' dan Qiyas. Sistem kewangan Islam bermula sejak zaman Rasulullah SAW lagi dan kini diperkukuhkan lagi di Malaysia dengan penubuhan institusi kewangan Islam yang pesat membangun. Mengikut prinsip Islam, wang bukan suatu 'komoditi', tetapi ia hanya berfungsi sebagai 'perantara untuk pertukaran'. Oleh kerana itu, wang tidak boleh dijual pada harga lebih tinggi daripada nilai asasnya atau disewa. "Faedah" atau riba dilarang dalam Islam di mana larangan telah ditetapkan dalam Al Quran. *"Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memakan Riba dengan berlipat ganda dan bertakwalah kamu kepada Allah supaya kamu mendapat keberuntungan."* (Ali Imraan: 130)

Ada beberapa prinsip yang menjadi asas penting bagi pembentukan sistem kewangan yang berlandaskan syariat Islam. **Prinsip pertama** ialah *tauhid* di mana ia penting supaya manusia sedar bahawa mereka menggagas tanggungjawab terhadap dirinya dan Allah. Tanggungjawab dalam perhubungan sesama manusia akan menjadikan manusia itu sentiasa berwaspada dengan perilaku supaya tidak memanipulasi dan menzalimi orang lain. **Prinsip kedua** ialah penekanan mengenai konsep harta. Allah adalah pemilik mutlak untuk setiap harta dan kekayaan dimana manusia hanyalah pemegang amanah untuk menguruskan dan mengagihkannya untuk kesejahteraan dan kebaikan semua makhluk. **Prinsip ketiga** ialah konsep tolong-menolong. Islam

menetapkan bahawa setiap muslim itu adalah bersaudara dan perlu berlumba-lumba memberikan manfaat kepada saudaranya. Sebagai contoh, dalam konsep takaful, setiap individu yang terlibat dalam takaful akan bersama-sama membantu individu lain yang sedang menghadapi musibah. Sekali gus, takaful menekankan konsep solidariti dan bantu-membantu dimana ianya adalah elemen yang membezakan takaful dan insuran konvensional.

Untuk membantu muslim dalam melaksanakan kewajipan mereka menyokong institusi kewangan Islam, institusi negara giat menghasilkan produk kewangan patuh syariah. Sebagai contoh, Sistem Perbankan Islam mengaplikasikan pelbagai kontrak dalam produk kewangan mereka. Diantara kontrak yang digunakan ialah *Musharakah* (perkongsian) dan *Murabahah* (berasaskan berdagang atas kos dicampur keuntungan) bertujuan mengelakkan 'faedah' yang tidak dibenarkan di dalam Islam. Perlu diingatkan bahawa, segala perniagaan termasuk sistem kewangan yang dijalankan perlu bebas daripada segala larangan termasuk riba, gharar, monopoli, penindasan, penipuan, pembaziran dan sebagainya. Sehubungan itu, pemahaman mengenai kewangan Islam perlulah difahami dan dihayati oleh semua kerana pada masa kini penglibatan muslim ke sistem ini bukan lagi suatu pemilihan tetapi kewajiban setiap individu sebagai muslim.